

DATE: 13 / 8 / 2009

Usaha pecahkan dasar kepungan Israel

Hantar bot lebih besar ke Gaza

um-13/8/2009

Oleh HELMI FOAD

pengarang@utusan.com.my

PUTRAJAYA 12 Ogos – Kecwa dengan sikap masyarakat dunia yang melupakan penderitaan rakyat Palestin di Semenanjung Gaza, Tun Dr. Mahathir Mohamad hari ini melancarkan satu dana bagi menggerakkan usaha menentang dasar pengepungan yang dilakukan rejim Israel.

Bekas Perdana Menteri berkata, kepungan yang dikenakan sejak 2006 itu menyebabkan Gaza sehingga kini gagal dibangunkan semula selain penduduknya terus menderita selepas Israel melancarkan serangan secara kejam pada Januari tahun lalu.

Serentak itu, beliau menegaskan, Pertubuhan Keamanan Global Perdana (PGPO) yang diterajui akan bekerjasama dengan Free Gaza Movement (FGM) untuk 'memecahkan' dasar kepungan Israel itu dengan menghantar bot yang lebih besar ke Gaza.

"Kita sasarkan dalam RM3.5 juta untuk membeli bot dan membawa bahan binaan supaya penduduk Gaza dapat membina semula rumah kerana mereka masih terpaksa tinggal di dalam khemah hingga hari ini.

"Cara yang Huwaida Arraf (Pengerusi FGM) nak buat ini akan membuka mata dunia bagi menyatakan bahawa rakyat Palestin mempunyai hak untuk hidup bebas," katanya.

Beliau berkata demikian pada majlis penerimaan dana Gaza di Yayasan Kepimpinan Perdana di sini hari ini.

Pada majlis itu, Dr. Mahathir mengumumkan Penaung Tabung Rayuan Gaza, Datin Seri Rosmah Mansor menyumbangkan sejumlah RM1.5 juta manakala sebanyak RM100,000 diterima dari pelbagai syarikat dan orang perseorangan.



DR. Mahathir Mohamad bersama anggota Gabungan Pertubuhan Bukan Kerajaan Menentang Pendakwaan Palestin (COMPLETE) (dari kiri) Zun'Arif Hakim Abdul Rahman, Yuzaidi Mohd. Yusoff dan Siti Jamilah Sheikh Abdullah di Yayasan Kepimpinan Perdana di Putrajaya, semalam. Kanan sekali Huwaida Arraf. - BERNAMA

Hadir sama Tun Dr. Siti Hasmah Mohd. Ali dan Pemegang Amanah Yayasan Salam Malaysia, Datuk Ahmad A. Talib.

Selepas serangan Israel, FGM menghantar bantuan pertama dengan menaiki bot kecil melalui Larnaca, Cyprus pada Ogos tahun lalu.

Namun dalam misi keenam yang turut disertai oleh Ahli Kongres Amerika Syarikat (AS), Cynthia McKinney, bot yang dinaiki oleh mereka telah dirempuh oleh tentera laut Israel.

Terbaru, pada Jun lalu, McKinney bersama Penerima Nobel Laureate,

Mairead Macguire yang mengikut misi kelapan FGM telah dibawa ke penjara Israel dan dihantar pulang.

Huwaida yang bertemu Dr. Mahathir di Kuala Lumpur pada awal Julai lalu meminta rakyat Malaysia membantu mereka memecahkan kepungan Israel ke atas Gaza.

Dr. Mahathir bersama Dr. Siti Hasmah telah melawat Larnaca pada 16 Julai lalu bagi meninjau operasi FGM dan seterusnya memutuskan untuk membeli sebuah bot kargo seberat antara 300 hingga 500 tan untuk menghantar bantuan ke Gaza.

Menurut Dr. Mahathir, misi menghantar bantuan ke Gaza melalui jalan laut itu akan dilakukan menjelang Oktober ini iaitu sebelum masuk musim sejuk.

"Kita mahukan penyertaan pelbagai pihak termasuk rakyat Malaysia, sekarang nak masuk musim sejuk, saya khuatir ramai yang akan maut kerana kesejukan.

"Ini usaha yang sangat berani, kalau Israel nak rempuh pun mereka terima, ini supaya nak tunjukkan kepada dunia kalau mereka tidak ambil tindakan, ada orang lain yang

akan mengambil tindakan," katanya.

Mengenai penghantaran bantuan oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) ke Gaza, Dr. Mahathir berkata, jika bantuan yang dijanjikan benar-benar sampai mengapa sehingga kini rakyat Gaza tiada bekalan perubatan dan pembangunan semula gagal dilakukan.

"Kalau PBB benar-benar berperanan, saya fikir rakyat Gaza sudah menerima bantuan yang dijanjikan tetapi setakat ini kita tiada bukti, sekarang orang sudah lupa Gaza," katanya.

Kepada soalan adakah negara-negara lain terutama negara Islam turut perlu menghantar bot mereka ke Gaza sebagai satu gerakan antarabangsa bagi menentang dasar kepungan Israel itu, Dr. Mahathir menjelaskan, setiap negara mempunyai tanggungjawab bagi membantu Palestin.

"Mereka perlu berusaha menghentikan Israel daripada terus mengepung Gaza," katanya.

Dr. Mahathir juga menyatakan, usaha memboikot barangan Israel dan AS juga merupakan strategi yang tidak berkesan.

Sementara itu Huwaida berkata, FGM akan terus menentang dasar kepungan yang dilakukan oleh Israel kerana ia melanggar undang-undang antarabangsa.

"Kami tidak akan meminta kebenaran Israel, ini adalah usaha kita untuk mengatasi kepungan yang kejam melalui penentangan sivil dan secara aman.

"Sekatan itu membuatkan rakyat Gaza menderita, mereka tidak dibenarkan mendapat bekalan perubatan, alat rawatan kanser, alat tulis, susu formula bayi, kopi dan teh, ini semua tidak boleh kerana dianggap barangan mewah," katanya.